



ANUGERAH CEMERLANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 2014

PANDUAN PENYERTAAN

**MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

d/a JABATAN KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN

ARAS 4, BLOK D3, KOMPLEKS D, KOMPLEKS PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN,
62530, PUTRAJAYA

WILAYAH PERSEKUTUAN PUTRAJAYA.

TEL : 603-88865000

FAX : 603-88892354



**MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)**

Anugerah Cemerlang Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2014

1.0 PENGENALAN

1.1 Majlis Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2014 dianjurkan oleh Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dibawah Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia. Majlis anugerah ini diadakan setiap tahun bertujuan bagi memberi pengiktirafan kepada organisasi dan individu yang telah menunjukkan komitmen yang tinggi serta prestasi cemerlang didalam perlaksanaan sistem pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan ditempat kerja mereka.

1.2 Pengiktirafan ini juga merupakan sebahagian daripada usaha kerajaan untuk menjadikan tempat kerja di Malaysia selamat dan sihat serta bagi menjadikan amalan kerja yang selamat dan sihat sebagai sebahagian daripada budaya rakyat Malaysia.

2.0 KATEGORI ANUGERAH

Anugerah adalah terbuka bagi penyertaan kepada pelbagai industri di Malaysia. Terdapat lima (5) kategori utama yang diberikan kepada organisasi yang menunjukkan rekod pencapaian yang cemerlang dalam perlaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan. Kategori anugerah adalah seperti berikut :-

2.1 Anugerah Tempat Kerja

- i. Anugerah Pengilangan Industri Besar - Kategori Elektrik/Elektronik;
- ii. Anugerah Pengilangan Industri Besar - Kategori Petroleum/Gas/Kimia;
- iii. Anugerah Pengilangan Industri Besar - Kategori Lain-lain Pengilangan ;
- iv. Anugerah Industri Kecil dan Sederhana (Industri mempunyai modal berbayar kurang daripada RM25 juta dan mempunyai pekerja sepenuh masa kurang daripada 150 orang) ;
- v. Anugerah Perlombongan Dan Penguarian;
- vi. Anugerah Pembinaan;
- vii. Anugerah Pertanian;
- viii. Anugerah Perhutanan;
- ix. Anugerah Perikanan;
- x. Anugerah Kemudahan (pembekalan letrik);
- xi. Anugerah Kemudahan (air);
- xii. Anugerah Kemudahan (gas);
- xiii. Anugerah Kemudahan (kebersihan);
- xiv. Anugerah Pengangkutan (pengangkutan awam, bas, udara & keretapi);
- xv. Anugerah Penyimpanan (gudang penyimpanan);
- xvi. Anugerah Komunikasi (komunikasi, satelit & `internet services provider`);
- xvii. Anugerah Perdagangan Borong Dan Runcit;
- xviii. Anugerah Hotel Dan Restoran;
- xix. Anugerah Kewangan, Insurans dan Harta Tanah
- xx. Anugerah Perkhidmatan Perniagaan; dan
- xxi. Anugerah Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan

- 2.2 **Anugerah Tokoh (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan);**
- 2.3 **Anugerah Media;**
- 2.4 **Anugerah Wartawan;**
- 2.5 **Anugerah Mentor-Mentee; dan**
- 2.6 **Anugerah Ketua Pegawai Eksekutif (Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan)**

3.0 KRITERIA PEMILIHAN CALON PENERIMA ANUGERAH

3.1 KATEGORI TEMPAT KERJA

- 3.1.1 Anugerah ini diberikan kepada organisasi yang telah melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan ditempat kerja dan mempunyai rekod pencapaian yang cemerlang dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- 3.1.2 Prestasi pencapaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan ditempat kerja akan dinilai bagi tempoh sepanjang Tahun 2013 dan sehingga tempoh proses audit selesai dilaksanakan;
- 3.1.3 Kriteria penilaian adalah seperti berikut:
 - Melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang cemerlang ditempat kerja;
 - Mempunyai Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang berkesan;
 - Mempunyai Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang aktif dan efektif;
 - Menyedia dan melaksana Pelan Tindakan Kecemasan yang efektif; dan
 - Mempunyai rekod statistik kemalangan yang baik dan tiada kemalangan maut, penyakit perusahaan atau hilang upaya kekal sepanjang tahun 2013 dan sehingga tempoh proses audit selesai dilaksanakan.
- 3.1.4 Proses Penilaian/Audit
 - Penilaian/audit akan dijalankan oleh juruaudit yang akan dilantik oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
 - Tarikh audit dijalankan akan dimaklumkan melalui surat; dan
 - Taklimat dan penerangan kepada juruaudit semasa proses audit dijalankan berkaitan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta dokumen terperinci hendaklah dikemukakan semasa audit dijalankan.
- 3.1.5 Borang pencalonan hendaklah dikemukakan bersama dengan profil syarikat.

3.2 KATEGORI MENTOR-MENTEE

- 3.2.1 Anugerah ini diberikan kepada organisasi yang telah menjayakan program mentor-mentee dalam melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan ditempat kerja dan mempunyai rekod pencapaian yang cemerlang dalam pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.
- 3.2.2 Prestasi pencapaian keselamatan dan kesihatan pekerjaan ditempat kerja akan dinilai bagi tempoh sepanjang Tahun 2013 dan sehingga tempoh proses audit selesai dilaksanakan.
- 3.2.3 Kriteria penilaian adalah seperti berikut:
 - Melaksanakan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang cemerlang ditempat kerja;
 - Mempunyai Polisi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang berkesan;
 - Mempunyai Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan yang aktif dan efektif;
 - Menyedia dan melaksana Pelan Tindakan Kecemasan yang efektif; dan

- Mempunyai rekod statistik kemalangan yang baik dan tiada kemalangan maut, penyakit perusahaan atau hilang upaya kekal sepanjang tahun 2013 dan sehingga tempoh proses audit selesai dilaksanakan.

3.2.4 Proses Penilaian/Audit

- Penilaian/audit akan dijalankan oleh juruaudit yang akan dilantik oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di tempat mentor dan mentee;
- Tarikh audit dijalankan akan dimaklumkan melalui surat; dan
- Taklimat dan penerangan kepada juruaudit semasa proses audit dijalankan berkaitan pelaksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan serta dokumen terperinci hendaklah dikemukakan semasa audit dijalankan.

3.2.5 Borang pencalonan hendaklah dikemukakan bersama dengan profil syarikat.

3.3 KATEGORI TOKOH (KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN - KKP)

3.3.1 Anugerah ini diberikan kepada individu (perseorangan) yang mempunyai pencapaian rekod yang cemerlang dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan diperingkat organisasi, kebangsaan dan antarabangsa.

3.3.2 Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- Calon adalah Warganegara Malaysia;
- Menjadi penggerak (initiator) kepada program-program Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di peringkat organisasi, kebangsaan atau antarabangsa;
- Sedang atau pernah bergiat cergas di peringkat organisasi, kebangsaan atau antarabangsa dalam memperjuangkan dan mempertingkatkan taraf Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan;
- Pernah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan artikel berkaitan dengan keselamatan dan Kesihatan pekerjaan; dan
- Lain-lain sumbangan (berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan)

3.3.3 Penilaian pencalonan akan dijalankan oleh Panel Jawatankuasa yang akan dilantik oleh Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

3.3.4 Borang permohonan penyertaan hendaklah disertakan bersama dengan dokumen sokongan yang berkaitan. Sila nyatakan maklumat peribadi seperti no.kad pengenalan, alamat surat menyurat, no. telefon, no. fak nama organisasi, jawatan terakhir dan kelulusan akademik tertinggi.

3.4 KATEGORI MEDIA

3.4.1 Anugerah ini diberikan kepada media yang telah menunjukkan komitmen dan kerjasama yang tinggi didalam menangani dan mempromosikan isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

3.4.2 Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- Media yang paling banyak memberi liputan serta paling meluas didalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- Menyiarkan berita atau artikel berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan; dan
- Membantu didalam mempromosi dan mempertingkatkan tahap kesedaran terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

3.4.3 Borang permohonan penyertaan hendaklah disertakan bersama dokumen sokongan seperti rekod penyiaran, salinan berita atau artikel serta dokumen lain yang berkaitan.

3.5 KATEGORI WARTAWAN

3.5.1 Anugerah ini diberikan kepada wartawan yang telah menunjukkan komitmen dan kerjasama yang tinggi didalam menangani dan mempromosikan isu-isu berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

3.5.2 Kriteria penilaian adalah seperti berikut:

- Mestilah Warganegara Malaysia;
- Anugerah ini diberikan kepada wartawan yang terlibat secara langsung dalam menerbitkan artikel atau berita yang paling banyak tentang keselamatan dan kesihatan pekerjaan kepada negara ini di dalam media masing-masing;
- Wartawan yang paling banyak memberi liputan yang paling meluas didalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- Menyiarkan berita atau artikel berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan; dan
- Membantu didalam mempromosi dan mempertingkatkan tahap kesedaran terhadap aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

3.5.3 Borang permohonan penyertaan hendaklah disertakan bersama dokumen sokongan seperti rekod penyiaran, salinan berita atau artikel serta dokumen lain yang berkaitan

3.6 KATEGORI KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (KKP)

3.6.1 Anugerah ini diberikan kepada individu (perseorangan) yang sedang menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif atau yang setaraf serta telah menunjukkan pencapaian rekod yang cemerlang dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan diperingkat organisasi, kebangsaan dan antarabangsa.

3.6.2 Kriteria utama penilaian adalah seperti berikut:

- Terbuka kepada warganegara dan bukan warganegara Malaysia;
- Mematuhi semua perundangan Malaysia;
- Sedang menyandang jawatan Ketua Pegawai Eksekutif atau yang setaraf dan bertanggungjawab dalam semua urusan organisasi ;
- Organisasi tidak pernah mengalami kemalangan maut termasuk penyakit perusahaan yang mengakibatkan maut atau hilang upaya yang tetap disepanjang tahun 2013 sehingga kini ;
- Organisasi yang diterajui telah melaksanakan sepenuhnya sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- Menunjukkan komitmen yang tinggi serta terlibat secara langsung dalam aspek keselamatan dan kesihatan pekerjaan organisasi seperti menyediakan peruntukan kewangan untuk keselamatan dan kesihatan pekerjaan setiap tahun, memberi latihan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, menyediakan peralatan keselamatan diri, mempengerusikan Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan dan lain-lain yang berkaitan;
- Organisasi mendapat pengiktirafan persijilan sistem pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa seperti OHSAS, OSHMS, dan lain-lain;
- Melaksanakan program Corporate Social Responsibility (CSR) dan program mentor-mentee berhubung dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan terhadap pekerja, masyarakat, industri, negara dan antarabangsa;
- Organisasi pernah menerima anugerah atau pengiktirafan berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di peringkat kebangsaan atau antarabangsa ;
- Pernah terlibat secara langsung atau tidak langsung dalam penulisan artikel berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan;
- Pernah memberi sumbangan idea-idea yang bernas kepada negara dalam mempertingkatkan tahap Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan;
- Sedang atau pernah bergiat cergas dalam memperjuangkan dan mempertingkatkan taraf Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan di peringkat organisasi, kebangsaan atau antarabangsa;
- Menjadi penggerak (initiator) kepada program-program Keselamatan dan Kesihatan pekerjaan di peringkat organisasi, kebangsaan atau antarabangsa; dan
- Mempunyai sijil kompetensi dalam keselamatan dan kesihatan pekerjaan.

3.6.3 Borang permohonan penyertaan hendaklah disertakan bersama dokumen sokongan bagi tujuan penilaian Jawatankuasa panel penilaian.

4.0 Syarat-Syarat Penyertaan

- 4.1 Semua penyertaan dan pencalonan mestilah menggunakan Borang Penyertaan Anugerah Cemerlang Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2014 yang telah ditetapkan.
- 4.2 Borang pencalonan hendaklah dikemukakan bersama dengan profil syarikat/individu.
- 4.3 Borang penyertaan dan dokumen sokongan hendaklah sampai ke Pejabat Sekretariat Majlis Negara sebelum atau pada tarikh tutup yang telah ditetapkan.

5.0 KEPUTUSAN PENERIMA ANUGERAH

- 5.1 Penilaian terakhir bagi penerima anugerah akan dijalankan oleh Jawatankuasa Promosi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan dibawah Majlis Negara bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.
- 5.2 Semua pemenang akan menerima anugerah bagi kategori tersebut dalam Majlis Anugerah Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kebangsaan 2014. Majlis ini dijangka akan diadakan pada bulan November 2014 di Kuala Lumpur / Putrajaya.
- 5.3 Semua keputusan penilaian adalah muktamad. Sebarang permohonan rayuan tidak akan dipertimbangkan.

6.0 Tarikh Tutup Penyertaan

- 6.1 Sila kemukakan borang penyertaan dan dokumen sokongan kepada:

**Setiausaha,
Majlis Negara Bagi Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,
(Kementerian Sumber Manusia)
d/a Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan,
Aras 4, Blok D3, Kompleks D,
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan,
62530 WP Putrajaya.**

Telefon : +603-88865000
Faks : +603-88892354

- 6.2 Semua borang penyertaan dan dokumen sokongan hendaklah sampai **sebelum atau pada 31 Mei 2014. (tertakluk kepada pindaan)**

- 6.3 Sekiranya ada kemusykilan, sila berhubung dengan pegawai berikut:

- | | |
|---------------------------------|---|
| • En. Pavintheran a/l Kandasamy | Tel: 03-88865265 emel: pavin@mohr.gov.my |
| • Pn. Nurul Hamizah bt Baharan | Tel: 03-88865264 emel: nhamizah@mohr.gov.my |
| • En. Suhaidy bin Latip | Tel: 03-88711321 emel: suhaidy@mohr.gov.my |
| • En. Lee Kem Seng | Tel: 03-88865271 emel: kslee@mohr.gov.my |



**MAJLIS NEGARA BAGI KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN
(KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA)
BORANG PENYERTAAN
ANUGERAH CEMERLANG KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN KEBANGSAAN 2014**

A. Butir-butir Syarikat / CEO / Tokoh / Media / Wartawan / Mentor / Mentee Yang Memohon*:

Nama: _____

Alamat: _____

No. Tel: _____ No. Fax: _____ Emel: _____

B. Alamat Tempat Yang Di Audit : _____

C. Jenis Anugerah Yang Dipohon (Sila $\sqrt{\quad}$ pada kotak)

☐	Pengilangan Industri Besar Kategori Elektrik / Elektronik	☐	Komunikasi <i>Jenis: _____</i>
☐	Pengilangan Industri Besar (bukan luar pantai) Kategori Petroleum / Gas / Kimia	☐	Pengangkutan <i>Jenis: _____</i>
☐	Pengilangan Industri Besar Kategori Pengilangan Lain-lain	☐	Penyimpanan <i>Jenis: _____</i>
☐	Industri Kecil dan Sederhana (Modal berbayar kurang daripada RM25 juta dan mempunyai pekerja sepenuh masa kurang daripada 150 orang)	☐	Kemudahan: (Gas / Air / Elektrik / Kebersihan*) <i>Jenis: _____</i>
☐	Perlombongan Dan Penguarian	☐	Perdagangan Borong Dan Runcit
☐	Pembinaan (termasuk kerja kejuruteraan)	☐	Hotel dan Restoran
☐	Pertanian (termasuk Penternakan)	☐	Kewangan, Insurans Dan Harta Tanah
☐	Perhutanan	☐	Perikanan (termasuk darat dan laut)
☐	Perkhidmatan Perniagaan (selain dari tersebut diatas)		
☐	Perkhidmatan Awam dan Pihak Berkuasa Tempatan		
☐	Mentor-Mentee (semua industri – Syarikat Mentor dan Mentee akan diaudit bersama.)		
☐	Tokoh (KKP)	☐	Wartawan
☐	Ketua Pegawai Eksekutif (CEO KKP)	☐	Media

D. Butir Wakil Syarikat / Tokoh / Media / Wartawan dan Pegawai Yang Dihubungi

Wakil Syarikat / Tokoh / Media / Wartawan*	Pegawai Yang Dihubungi
Tandatangan: _____	Tandatangan: _____
Nama: _____	Nama: _____
Jawatan: _____	Jawatan: _____
No. Tel: _____	No. Tel: _____
No. Fax: _____	No. Fax: _____
No. H/P: _____	No. H/P: _____
Emel: _____	Emel: _____

Nota : (* Potong mana yang tidak berkenaan)